

09/06/2002

Kolej TAR tidak sekat kemasukan Bumiputera: Ling

Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR: Kolej Tunku Abdul Rahman (Kolej TAR) tidak akan mengehadkan atau menyekat jumlah kemasukan pelajar Bumiputera berdasarkan kuota tertentu, kata Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Beliau yang juga Pengerusi Majlis Kolej TAR berkata, institut itu sebaliknya akan cuba menerima seramai mungkin pelajar Bumiputera asalkan mereka mengemukakan permohonan.

Tambahan pula, katanya, keadaan di IPTS pada masa ini tidak memerlukan dasar kuota diwujudkan dan hakikat ini diperakui sendiri Kementerian Pendidikan.

"Jika ada pelajar Bumiputera yang nak datang kita terima, tak kira berapa. Kami tidak akan mengehadkan jumlahnya kepada 10 atau 5 atau 15 peratus, tidak akan ada kuota," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis Konvokesyen Universiti Campbell di Kolej TAR, di sini semalam.

Konvokesyen itu adalah untuk 1,093 pelajar program berkembar di antara Kolej TAR dan Campbell Universiti dari Amerika Syarikat. Hadir sama ialah Presiden Campbell University, Dr Norman Wiggins.

Dr Ling berkata demikian sebagai mengulas saranan pelbagai pihak termasuk Pergerakan Pemuda Umno Malaysia supaya institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) memperuntukkan kuota 10 peratus untuk pelajar Bumiputera supaya jurang perbezaan pelajar Bumiputera dan bukan Bumiputera di IPTS dikurangkan.

Cadangan itu dibuat bagi mengimbangi keadaan berikutan pelaksanaan dasar terbuka kerajaan memperuntukkan kuota 10 peratus kepada pelajar bukan Bumiputera ke Maktab Rendah Sains Mara (MRSM). Jumlah keseluruhan pelajar Bumiputera di IPTS sekarang kurang daripada lima peratus.

Dr Ling yang juga Presiden MCA berkata, Kolej TAR terbuka kepada semua kaum, bukan terhad kaum Cina saja dan pihaknya sudah berusaha menarik masuk pelajar Bumiputera.

Katanya, masalahnya tidak ramai pelajar Bumiputera yang memohon untuk memasuki kolej itu dan pihak Kolej TAR terpaksa mengadakan program pertukaran pelajar dengan Universiti Teknologi Mara (UiTM) untuk mendapatkan pelajar Bumiputera.

"Seperti mana yang saya dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sudah jelaskan beberapa kali, kolej ini dibuka kepada semua kaum. Bagi kemasukan pelajar Bumiputera, 30, 40, 50 peratus pun boleh, asalkan ada permohonan kami akan cuba menerimanya," katanya.

Ditanya mengapa keadaan itu berlaku, Dr Ling berkata ini kerana sebahagian besar pelajar Bumiputera mengikuti program serta peluang melanjutkan pelajaran yang disediakan kerajaan.

Katanya, pelajar Bumiputera paling cemerlang biasanya dihantar melanjutkan pelajaran ke luar negara, diikuti kumpulan cemerlang di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan kumpulan seterusnya di UiTM.

"Untuk Kolej TAR, tak ada lagi pelajar Bumiputera. Ini menunjukkan kerajaan bersungguh-sungguh menyediakan kemudahan untuk pelajar Bumiputera," katanya.

(END)